

Shanmugam gesa kaum Adam tampil, libatkan diri dalam perbincangan kesamarataan jantina

Berita Mediacion, 3rd June 2021

SINGAPURA: Lebih ramai kaum Adam perlu menjadi pejuang kesamarataan jantina, kata Menteri Undang-undang merangkap Ehwal Dalam Negeri K Shanmugam pada Khamis (3 Jun).

Namun, Pemerintah kata Encik Shanmugam berdepan beberapa cabaran untuk melibatkan golongan itu.

Menurutnya lagi, peserta lelaki membentuk hanya 25 peratus dalam sesi dialog mengenai isu-isu wanita yang dianjurkan Pemerintah. **Beliau berkata demikian dalam satu perbincangan online berhubung isu-isu wanita yang dianjurkan oleh Institut Kajian Dasar (IPS), sebuah badan pemikir di bawah Universiti Nasional Singapura (NUS).**

"Ia bukanlah isu wanita, ia isu masyarakat. Setiap lelaki mempunyai peranan serius. Bagaimana anda boleh melibatkan mereka, jika anda ada idea, sila beritahu kami," ujar Encik Shanmugam menjawab soalan Profesor Lily Kong, presiden Universiti Pengurusan Singapura (SMU) yang merupakan pemudah cara perbincangan itu.

Profesor Kong ingin tahu apa yang boleh dilakukan untuk mendapatkan kaum lelaki bersama-sama memperjuangkan kesamarataan wanita.

"Dalam perbincangan yang kami anjurkan, kami sudah cuba melibatkan golongan lelaki. Ia memberangsangkan. Tetapi sejujurnya, 75 peratus peserta adalah wanita, 25 peratus lelaki. Kita perlu mengubahnya untuk menjadi seimbang kepada 50-50. Kita perlu menarik lebih ramai lelaki," tambah Encik Shanmugam.

Menteri itu merujuk kepada sesi-sesi dialog anjuran Reach, cabang maklum balas Pemerintah, yang bertujuan memahami isu-isu yang seringkali dihadapi wanita di Singapura.

Sesi-sesi tersebut merupakan sebahagian daripada ikrar Pemerintah untuk mengkaji isu-isu yang mempengaruhi wanita di Singapura melalui siri dialog, yang dimulakan pada September tahun lalu.

Semakan itu, dipanggil 'Perbualan tentang Perkembangan Wanita Singapura', akan mengumpulkan maklum balas dan saranan yang kemudian disertakan ke dalam Kertas Putih untuk dibentangkan kepada Parlimen tahun ini.

Semasa melancarkan kajian itu pada September tahun lalu, Encik Shanmugam berkata tujuan inisiatif tersebut adalah untuk membuat anjakan budaya dan pemikiran rakyat Singapura tentang kesamarataan jantina serta hormat terhadap wanita.

Pada Khamis, menteri itu berkata walaupun kedua-dua kumpulan penjawat awam kanan lelaki dan wanita serta menteri-menteri Kabinet percaya bahawa ia adalah satu isu penting, lebih banyak boleh dilakukan untuk menambah penyertaan lelaki dalam kajian itu.

Anggota Parlimen bagi Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan (GRC) Sengkang He Tingru, yang merupakan ahli panel dalam perbincangan online itu, berkata penting untuk tahu sebab-sebab di sebalik kadar penyertaan rendah bagi lelaki.

Selain peranan yang digalas lelaki untuk mendorong kesamarataan jantina, Encik Shanmugam dan Cik He juga membincangkan beberapa isu lain semasa perbincangan yang berlangsung hampir 90 minit itu.

Cik He menyokong perlunya undang-undang antidiskriminasi, terutama di tempat kerja.

Beliau berkata wanita hamil menerima komen daripada majikan yang mengatakan mereka tidak boleh naik pangkat disebabkan tidak bekerja buat beberapa bulan semasa cuti bersalin.

"Dengan adanya undang-undang antidiskriminasi untuk benar-benar menetapkan bahawa majikan harus mewujudkan struktur bagi melindungi wanita, saya rasa ia sesuatu yang sudah lama tertangguh dan kita harus menimbangkannya secara serius," ungkap beliau.

Meskipun Encik Shanmugam tidak menolak penggubalan undang-undang sedemikian, beliau berkata ia tidak akan menghuraikan masalah berdasarkan pengalaman negara-negara lain.

Selain undang-undang, beliau berkata satu perubahan minda juga perlu, di mana kedua-dua lelaki dan wanita berkongsi kepercayaan bahawa adalah penting bagi wanita mengambil cuti bersalin untuk menjaga anak mereka.

Kedua-dua Encik Shanmugam dan Cik He turut membincangkan pentingnya mengiktiraf pengorbanan yang dibuat oleh penjaga, yang kebanyakannya wanita, melalui bentuk pampasan wang.

Cik He berkata ramai penjaga yang tidak dibayar akhirnya tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk bersara kerana biasanya meninggalkan kerjaya mereka untuk menjaga anggota keluarga yang sakit.

Encik Shanmugam menekankan beliau tidak memandang remeh pengorbanan penjaga wanita dengan mengaitkannya kepada wang tetapi Pemerintah sedang meninjau bagaimana sumbangan mereka boleh diiktiraf sedemikian rupa.

Mereka juga membincangkan sama ada perlu ada kuota untuk mendapatkan lebih ramai perwakilan wanita dalam lembaga pengarah, bagaimana cuti ibu bapa harus dilaksanakan serta peranan media dalam menekankan stereotaip jantina.